

## **LAPORAN DAN AKTIVITI PORTAL BULAN : MAC 2019**

### **JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PERLIS**

#### **1. PROGRAM WTD (PESTA ANGIN TIMUR 2019)**

1.1 JANM Perlis telah menyertai Program Angin Timur anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perlis dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis pada 01 hingga 03 Mac 2019 bertempat di bersebelahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.

1.2 Unit Wang Tak Dituntut JANM Perlis telah membuka kaunter perkhidmatan komuniti bergerak Wang Tak DiTuntut dan perkhidmatan tersebut telah disediakan di dalam bas Mobile daripada Kementerian Kewangan (MOF).

1.3 Koleksi gambar Program Pesta Angin Timur seperti di Lampiran A – Aktiviti 1.

#### **2. PROGRAM WTD (SEMINAR BIJAK MENGURUS WANG)**

2.1 Pada 06 Mac 2019 JANM Perlis telah menyertai program anjuran Jabatan Kesihatan Negeri Perlis untuk membuka kaunter semakan Wang Tak DiTuntut sempena Karnival dan Seminar 'BMW' (bijak Mengurus Wang).

2.2 Koleksi gambar Program WTD (Seminar Bijak Mengurus Wang) seperti di Lampiran A – Aktiviti 2.

#### **3. MESYUARAT AGUNG KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN (KESAN)**

##### **JANM PERLIS**

3.1 Mesyuarat Agung Kelab Sukan dan Kebajikan (KESAN) JANM Perlis telah diadakan pada 08 Mac 2019 bagi pembentangan laporan dan pemilihan jawatankuasa baru bagi tahun 2019 – 2021.

3.2 Koleksi gambar Mesyuarat Agung KESAN JANM Perlis seperti di Lampiran A – Aktiviti 3.

4. **KURSUS GENERIK KEWANGAN ZON UTARA 2019 – KURSUS PERAKAUNAN AKRUAN (PERINGKAT ASAS)**

4.1 JANM Perlis telah melaksanakan Kursus Generik Kewangan Zon Utara 2019 – Kursus Perakaunan Akruan (Peringkat Asas) pada 12 hingga 14 Mac 2019 bertempat di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perlis.

4.2 Koleksi gambar Kursus Generik Kewangan Zon Utara 2019 – Kursus Perakaunan Akruan (Peringkat Asas) seperti di Lampiran A – Aktiviti 4.

5. **SESI VC – MAJLIS ANUGERAH APREASIASI KECEMERLANGAN (AAK)**

5.1 JANM Perlis telah menetapkan setiap unit wajib mewakilkan dua (2) orang pegawai dan mengalu-alukan kepada pegawai dan kakitangan JANM Perlis yang berminat dan berkelapangan bagi Sesi VC – Majlis Anugerah Apreasiasi Kemerlangan (AAK) pada 14 Mac 2019.

5.2 Tiada Gambar.

6. **MAJLIS BACAAN YASSIN BULANAN - BULAN MAC 2019**

6.1 Majlis Bacaan Yassin bulanan bagi bulan Mac 2019 telah diadakan pada 15 Mac 2019. Semua pegawai dan kakitangan beragama islam JANM Perlis adalah diwajibkan.

6.2 Tiada Gambar.

7. **SESI VC - SEMINAR KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI 2019**

7.1 JANM Perlis telah mencalonkan lima (5) pegawai dan mengalu-alukan kepada pegawai dan kakitangan JANM Perlis yang berminat dan berkelapangan bagi Sesi VC – Seminar Kesejahteraan Psikologi 2019 “Mental Sihat, Minda Sejahtera” pada 19 - 20 Mac 2019.

7.2 Koleksi gambar Sesi VC – Seminar Kesejahteraan Psikologi 2019 seperti di Lampiran A – Aktiviti 7.

8. **SESI VC - TAKLIMAT PENGURUSAN KAUNTER YANG CEMERLANG**

8.1 JANM Perlis telah mencalonkan pegawai dan kakitangan bagi setiap unit bagi Sesi VC – Taklimat Pengurusan Kaunter Yang Cemerlang pada 25 Mac 2019.

8.2 Koleksi gambar Sesi VC – Taklimat Pengurusan Kaunter Yang Cemerlang seperti di Lampiran A – Aktiviti 8.

9. **KURSUS eP SECARA PEMBELIAN TERUS DAN PENGURUSAN KONTRAK (LO) JANM PERLIS 2019**

9.1 JANM Perlis telah melaksanakan Kursus eP Secara Pembelian Terus dan Pengurusan Kontrak (LO) pada 26 Mac 2019 bagi memberi pendedahan, pengetahuan dan kefahaman mengenai tatacara perolehan kerjaan dengan lebih cekap dan tepat dan diuruskan berdasarkan prinsip-prinsip adil, saksama, integriti dan telus. Seramai 20 pegawai yang telah dipilih untuk menghadiri kursus tersebut. Penceramah bagi kursus ini adalah Encik Aziz bin Ahmad, Pegawai CDC Negeri Perlis.

9.2 Koleksi gambar Kursus eP Secara Pembelian Terus dan Pengurusan Kontrak seperti di Lampiran A – Aktiviti 9,

**KOLEKSI GAMBAR  
LAPORAN DAN AKTIVITI BULANAN  
BULAN : MAC 2019  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PERLIS**

1. **AKTIVITI** : PROGRAM WTD (PESTA ANGIN TIMUR 2019)  
**TARIKH** : 01 – 03 MAC 2019



2. **AKTIVITI** : PROGRAM WTD (SEMINAR BIJAK MENGURUS WANG)  
**TARIKH** : 06 MAC 2019



3. **AKTIVITI** : MESYUARAT AGUNG KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN JANM PERLIS  
**TARIKH** : 08 MAC 2019







4. **AKTIVITI** : **KURSUS GENERIK KEWANGAN ZON UTARA 2019 - KURSUS PERAKAUNAN AKRUAN (PERINGKAT ASAS)**  
**TARIKH** : **12 – 14 MAC 2019**



5. **AKTIVITI** : **SESI VC – MAJLIS ANUGERAH APREASIASI KECEMERLANGAN (AAK)**  
**TARIKH** : **14 MAC 2019**

- TIADA GAMBAR -

6. **AKTIVITI** : **MAJLIS BACAAN YASSIN BULAN MAC 2019**  
**TARIKH** : **15 MAC 2019**

- TIADA GAMBAR -

7. **AKTIVITI** : **SESI VC - SEMINAR KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI 2019**  
**TARIKH** : **19 – 20 MAC 2019**





8. **AKTIVITI** : **SESI VC - TAKLIMAT PENGURUSAN KAUNTER YANG CEMERLANG**  
**TARIKH** : **25 MAC 2019**





9. **AKTIVITI** : **KURSUS eP SECARA PEMBELIAN TERUS DAN PENGURUSAN KONTRAK (LO) JANM PERLIS 2019**  
**TARIKH** : **26 MAC 2019**

